

Polemik isu lantik hakim bakal ditamatkan hari ini

BERITA HARIAN

16 JUL 2025

m/s: 3

Majlis Raja-Raja dijangka umum pelantikan jawatan tertinggi badan kehakiman

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Majlis Raja-Raja dijangka mengumumkan pelantikan jawatan tertinggi badan kehakiman hari ini, sekali gus menamatkan polemik berkaitan isu berkenaan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, perbincangan panjang berhubung perkara itu diadakan pada mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-269, semalam.

“Pagi ini (semalam) saya sudah berbincang panjang dengan Majlis Raja-Raja dan saya fikir biarlah mereka yang membuat keputusan esok (hari ini), mudah-mudahan, akan ada satu pengumuman yang akan menolak semua persepsi negatif (berkaitan isu) terbabit.

“Insyallah, apabila pengumuman dibuat nanti, ia akan membuktikan bahawa kerajaan ini, Kerajaan MADANI benar-benar komited kepada reformasi, termasuk prinsip kebebasan badan kehakiman,” katanya ketika berucap pada Majlis Penutup Persidangan Antarabangsa Tadbir Urus dan Integriti 2025 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Ins-



Anwar bersama Azalina dan Shamsul Azri pada Majlis Penutup Persidangan Antarabangsa Tadbir Urus dan Integriti 2025 di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

titusi), Datuk Seri Azalina Othman Said dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Tak jejas Majlis Peguam

Anwar berkata, beliau mengakui wujud kebimbangan dalam isu kehakiman, selain persepsi kononnya beberapa pelantikan ke jawatan penting dalam institusi kehakiman mungkin terjejas.

“Saya boleh beri jaminan, perkara itu tidak berlaku. Saya pasti rakan saya dalam bidang perundangan menghormati hakikat bahawa kita mesti bekerja berdasarkan undang-undang dan fakta, bukan persepsi dan soal persepsi biarlah jadi urusan ahli politik. Hanya dengan

cara itu kita boleh terus mentadbir dengan baik.

“Saya harap ia tidak menjejaskan pendirian Majlis Peguam, kerana itulah yang mereka percaya dan walaupun saya menafikannya dengan keras (dakwaan campur tangan), ia masih belum memuaskan hati sebahagian daripada mereka, mungkin kerana permainan politik tertentu,” katanya.

Beliau menegaskan, kerajaan komited memastikan kebebasan badan kehakiman dihormati.

“Perkara itu (campur tangan) tidak berlaku, saya tidak mahu mereka (Majlis Peguam) pula datang dan berkata, tidak, anda buat keputusan itu kerana berada di bawah tekanan.

“Azalina tahu perkara sebenarnya, Ketua Setiausaha Negara juga tahu fakta bahawa tiada sebarang kes atau nama yang dipersoalkan atau dianggap kontroversi pernah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong atau Majlis Raja-Raja,” katanya.

Justeru, beliau memberi jaminan Kerajaan MADANI terus komited kepada reformasi, termasuk prinsip kebebasan badan kehakiman.

“Selepas lebih dua setengah tahun saya memegang jawatan, saya tidak pernah membincangkan sebarang kes dengan mana-mana hakim, bukan dengan Ketua Hakim, mahupun mana-mana hakim lain. Saya berpegang teguh kepada prinsip kebebasan kehakiman,” katanya.